

Answers for Analisis Bertopik 2025 will be updated soon!

Please check back later for the updated answers.

JAWAPAN

PENDIDIKAN ISLAM

BIDANG AL-QURAN

Pelajaran 1-3

SURAH AL-AN'AM / SURAH AL-KAHI/ HUKUM TAJWID

PRAKTIS DSKP

- A $\text{قُلْ إِن صَلَائِي وَمِشْكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ}$ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ
- B (1) 3
(2) 2
(3) 1
(4) 4
- C (1) 4 atau 5 harakat
(2) 2 harakat
(3) 6 harakat
- D (1) Mad lazimi harfi mukhaffaf
(2) Mad silah towilah
(3) Qalqalah kubro
(4) Mad silah qasirah
(5) Mad lazim kalimi mukhaffaf
(6) Mad lazim harfi muthaqqal
(7) Qalqalah sughro
(8) Qalqalah akbar
(9) Mad lazim kalimi muthaqqal

PRAKTIS SPM


- Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang muslim.
- Segala ibadah yang dilakukan perlu mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW.
- Kehidupan di dunia dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW supaya bahagia di dunia dan di akhirat.
- Menyerahkan segala urusan kehidupan dan sesudah kematian kepada Allah SWT.
- Keikhlasan ialah faktor utama segala ibadah diterima oleh Allah SWT.
- Orang yang telah tertutup hatinya tidak akan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah SWT.
- Orang yang mempersendakan ayat Allah SWT dan menghina para rasul-Nya ialah golongan yang rugi.
- Allah SWT menyediakan neraka jahannam bagi sesiapa sahaja yang mensyirikkan-Nya.
- Allah SWT akan mengurniakan syurga Firdaus kepada orang yang beramal soleh.
- Orang yang beramal soleh akan kekal di dalam syurga Firdaus.
- Kehebatan dan keluasan ilmu Allah SWT tiada tandingannya.
- Apabila *ha'* dhomir terletak di antara 2 huruf berbaris bertemu dengan huruf *hijaiyyah* selain huruf hamzah (ء) pada 2 kalimah yang berlainan.
Bacaan : 2 harakat.

- Apabila *ha'* dhomir terletak di antara 2 huruf berbaris bertemu dengan huruf hamzah (ء) pada 2 kalimah yang berlainan.
Bacaan : 4 / 5 harakat.
- (i) يَمِيلُهُ مَدًّا (ii) $\text{يَعْبَادُهُ رَبَّهُ أَحَدًا}$
- Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang tidak bersyaddah dalam satu kalimah dan tidak dibaca secara idgham.
Contoh: $\text{مَالِكٌ وَقَدْ عَصَيْتَ}$
- Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang bersyaddah dalam satu kalimah dan tidak dibaca secara idgham.
Contoh: $\text{عَلَيْهِمْ وَلَا أَكْأَفَى}$
- Huruf mad yang terdapat pada pembukaan surah (فَوَاتِحُ السُّورِ) bertemu huruf bertanda sukun yang tidak dibaca secara idgham.
Contoh: يَس
- Huruf mad yang terdapat pada pembukaan surah (فَوَاتِحُ السُّورِ) bertemu huruf bertanda sukun yang dibaca secara idgham.
Contoh: الْح
- Bunyi lantunan ketika menyebut huruf qalqalah. Hurufnya : ق, ط, ب, ج, د.
- Huruf qalqalah yang berbaris sukun pada pertengahan kalimah atau pada hujung kalimah ketika bacaan wasal.
Contoh: $\text{يَطِيعُ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِ الْكَافِرِينَ}$
- Huruf qalqalah yang berbaris sukun atau sukun yang mendatang berada pada hujung kalimah ketika bacaan waqaf.
Contoh: $\text{إِلَى سَوَاءٍ أَضْرَطُّ}$
- Huruf qalqalah yang berbaris syaddah pada hujung kalimah ketika bacaan waqaf.
Contoh: $\text{قُلْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ هَبَّطَ إِلَى الْحَقِّ}$

SOALAN SEBENAR SPM

- Dua jenis Qalqalah:**
 - Qalqalah Sughro
 - Qalqalah Kubro
- Dua bahagian mad silah:**
 - Mad silah towilah / Mad silah panjang / panjang
 - Mad silah qasirah / Mad silah pendek / pendek

I-THINK



PRAKTIS DSKP

- A (1) Maksud ayat : Dan janganlah kamu makan(atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah
(2) Contoh larangan Allah SWT berdasarkan ayat : Rasuah, riba, judi, mencuri, merompak, menipu, salah guna kuasa

PRAKTIS SPM

- Kita hendaklah mencari rezeki yang halal agar tidak menyalahi syariat Islam.
- Kita hendaklah menjauhi rasuah supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.
- Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu untuk mendapatkan kepentingan tertentu.
- Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.
- Rasuah / Riba / Judi / mencuri / merompak / menipu / salah guna kuasa.
- Allah SWT dan rasulnya melaknat pemberi dan penerima rasuah.
- Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa.
- Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat.
- Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa.
- Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat.
- Meningkatkan kes jenayah dalam masyarakat kerana sifat mementingkan diri sendiri.
- Agar tidak menyalahi Syariah Islam / Bertujuan mendapatkan keredhaan-Nya di dunia dan di akhirat.
- Melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat perbuatan rasuah / mengelak dan menjauhi dengan orang yang sentiasa melakukan rasuah / mendekatkan diri dengan kuat beribadah kepada Allah SWT.
- Memalsukan kebenaran ; Contoh : memberikan rasuah kepada seseorang agar menyimpan rahsia supaya kebenaran tidak dibongkarkan. Membenarkan kepalsuan : contohnya: memberikan rasuah untuk meluluskan tender sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak.
- Perlu memberi pendidikan berkaitan gejala di setiap lapisan masyarakat bagi memberi penerangan tentang keburukan dan kesan rasuah kepada diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

PRAKTIS DSKP

- A $\text{قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْفِرِينَ}$ هَذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ وَلَا تَهْجُرُوا إِلَّا الَّذِينَ أَلَعُوا فِي كُفْرِهِمْ فَوَيْلٌ لِّمَنْ هُجِرَ
- B (1) Maka mengembaralah kamu di muka bumi
(2) (Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia.
(3) dan janganlah kamu berasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita
(4) jika kamu orang yang beriman.
- C (1) Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT.
(2) Sunnatullah merangkumi semua makhluk.
(3) Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat.
- D (1) Kaum Thamud (umat Nabi Soleh AS)
(2) Kaum Luth (umat Nabi Luth AS)
(3) Kaum Nabi Yusuf AS

PRAKTIS SPM

- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT mengaturkan kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya. / Kita

hendaklah menjadi pengembara di muka bumi supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah. / Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu agar menjadi panduan dalam kehidupan.

- Ibnu Abbas berkata ketika para sahabat Nabi SAW mengalami kekalahan dalam perang Uhud lalu Rasulullah SAW berdoa “ Ya Allah, janganlah engkau biarkan mereka menewaskan kami, Ya Allah tiada daya melainkan kekuatan-Mu, Ya Allah tiada lagi yang akan menyembah-Mu kecuali kumpulan kami ini, Maka bantulah kami” lalu turunlah ayat ini.
- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.
- Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT / Sunnatullah merangkumi semua makhluk / Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab musabbab dan akibat.
- Dapat mengenalpasti sebab kejayaan umat terdahulu / Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu / Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh dengan akidah yang benar dan berakhlak mulia.
- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan / Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan / Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam / Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan / Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana.
- Sebab kejayaan : Menyimpan bekalan semasa musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf, akibat : selamat menghadapi kemarau panjang selama 7 tahun.
- Sebab kejayaan : Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh yang kuat, Akibat : dapat menewaskan tentera Jalut yang ramai.
- Sebab kemusnahan : bersifat angkuh dan menuduh Nabi Saleh pendusta, akibat : dibinasakan dengan petir dan gempa bumi yang dahsyat.
- Sebab kemusnahan : ingkar perintah Allah SWT dengan mengamalkan homoseks, akibat : dibinasakan dengan bumi diterbalikkan.
- Menjadikan iktibar di dalam abad ke 21 dengan berpegang dengan akidah yang benar dan akhlak yang mulia.

PRAKTIS DSKP

- A (1) Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan gurauan
(2) Mereka itulah orang yang dihancurkan oleh Allah disebabkan apa-apa yang diusahakan oleh mereka.
- B (1) Menghina Rasulullah SAW
(2) Bangga melakukan maksiat
(3) Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal
- C (1) 3
(2) 1
(3) 2

PRAKTIS SPM

- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama demi menjaga kesucian Islam / Kita hendaklah sentiasa memberi peringatan kepada orang yang mempersendakan agama berpancukan ajaran al-Quran dan as-Sunnah / Kita hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan di azab oleh Allah SWT dengan siksaan api neraka.
- Memperlekehkan syaria Islamiyah / Meninggalkan perkara Fardhu Ain seperti meninggalkan solat dengan sengaja.
- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT / Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW / Menghina golongan ulama dan orang soleh / Menyanjung perbuatan maksiat / Menghalalkan yang haram

dan mengharamkan yang halal.

4. Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW / Mengamalkan tuntutan Amar Makruf Nahi Mungkar dalam kehidupan / Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat demi menjamin keutamaan aqidah / Meninggalkan segala perbuatan yang lebih mencemarkan kesucian agama Islam / Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat.
5. Perlu memperkasakan dan memperbanyakkan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat bagi memberi pendedahan, pengukuhan berkaitan Islam.
6. Imam al-Qurtubi berkata : Sekiranya seseorang melihat kemungkaran, hendaklah dia memberi nasihat dan peringatan. Sekiranya nasihat dan peringatan tersebut ditolak, maka tinggalkanlah mereka.
7. Boleh membatalkan Iman / Tidak di pandang oleh Allah SWT di akhirat / Tidak mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pelajaran 7

DAKWAH PEMACU KEJAYAAN

PRAKTIS DSKP

- A** (1) 1
(2) 4
(3) 2
(4) 3
- B** (1) Dan siapakah yang lebih baik perkataannya
(2) Dan berkata sesungguhnya aku dari kalangan orang Islam
(3) Darpada orang yang menyeru manusia kepada Allah SWT
(4) Dan beramal soleh
- C** (1) Menyeru manusia supaya takut kepada Allah SWT dengan cara yang terbaik dan berhikmah.
(2) Melakukan amal soleh dan melakukan kebaikan berpandukan al-Quran dan Sunnah untuk mendekatkan diri kepada Allah.
(3) Menjadikan Islam sebagai cara hidup dan melaksanakan ajaran Islam dalam setiap urusan kehidupan.
- D** (1) Mengajak kawan melakukan kebaikan bersama-sama contohnya solat berjemaah, menuntut ilmu
(2) Menegur kawan-kawan yang sering lalai melaksanakan ibadah atau tanggungjawab dengan cara yang baik seperti memberi nasihat, memperdengarkan tazkirah ustaz atau meminta bantuan dari orang soleh.
(3) Melaksanakan semua ibadah wajib dengan sempurna seperti solat fardu, puasa zakat, taat ibu bapa, dan menutup aurat.
(4) Berakhlak dengan akhlak yang mulia sebagaimana ajaran al-Quran dan al-hadis seperti bercakap dengan sopan santun, menghormati orang lain, dan saling berkasih sayang.
(5) Menjalani kehidupan dengan ajaran Islam seperti mengamalkan doa-doa harian, berpakaian dengan pakaian yang menepati syariat, bergaul dengan masyarakat mengikut garis panduan Islam.
(6) Mengamalkan akhlak dan nilai murni yang di ajar oleh Rasulullah SAW berpandukan al-Quran dan as-Sunnah seperti saling menghormati, berkasih sayang, jujur dan amanah serta menjauhi akhlak buruk yang ditegah dalam Islam seperti mencaci, menghina, bercakap kasar, menipu dan tidak amanah.

PRAKTIS SPM

1. Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah ialah sunnah Rasul / Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain / Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.
2. Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
3. Perbuatan baik yang di lakukan mengikut panduan al-Quran dan as-Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
4. Perbuatan baik yang di lakukan mengikut panduan al-Quran dan as-Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT

5. Mengajak dan menyeru manusia supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan terbaik
6. Mengajak dan menyeru manusia supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan terbaik.
7. Setiap Muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan.
8. Setiap Muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan
9. Berhikmah dan sabar dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

SOALAN SEBENAR SPM

1

(i) Maksud dakwah:

- Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya
- Amar makruf nahi munkar
- Menyeru manusia supaya takut kepada Allah
- Mengajak melakukan kebaikan

(ii) Dua pendekatan berdakwah selain bil hikmah:

- Memberi nasihat yang baik / memberi teguran / kata-kata yang lemah-lembut
- Menunjukkan contoh teladan yang baik / menunjukkan akhlak yang baik
- Berbahas dengan cara yang baik / berhujah / berbincang dengan cara yang baik

Mana-mana yang sesuai dan munasabah diterima

Antaranya seperti:

- Menghasilkan karya/ novel/ filem yang baik
- Bercerita tentang kisah umat terdahulu
- Melalui percakapan yang baik
- Melalui penerapan Islam dalam kehidupan
- Menyeru menzahirkan ketakutan terhadap Allah
- Berdoa supaya dijauhkan daripada dosa
- Menyeru untuk beramal soleh

(iii) Dua pengajaran ayat:

- Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah merupakan sunah Rasulullah SAW
- Dakwah merupakan sunah Rasulullah SAW yang mesti diteruskan
- Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain
- Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup agar hidup diberkati Allah SWT
- Kita hendaklah mencegah kemungkaran agar imej agama Islam terpelihara

Mana-mana yang sesuai dan munasabah diterima

I-THINK

Tuntutan ayat Surah Fussilat ayat 33

	Berdakwah	Beramal Soleh	Menjadikan Islam sebagai cara hidup
Dakwah	Mengajak dan menyeru manusia supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan terbaik.		
Beramal Soleh		Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al-Quran dan as-Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	
Menjadikan Islam sebagai cara hidup			Setiap muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan.

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan
(2) syirik kepada Allah SWT dan sihir
(3) dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali dengan kebenaran
(4) dan makan riba dan makan harta anak yatim
(5) dan lari dari medan peperangan
(6) dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita yang beriman yang suci dan terpelihara (daripada maksiat)
- B** (1) Syirik nyata (Syirik Jali) : Menyekutukan Allah SWT
(2) Syirik tersembunyi (Syirik Khafi) :Ujub dan Riya'
- C** (1) Santau
(2) Pukau
- D** (1) Mengamalkan riba
(2) Makan harta anak yatim
(3) Lari dari medan perang
(4) Membunuh
- E** (1) Riba
(2) Syirik
(3) Meruntuhkan rumah tangga
(4) Kehidupan bermasyarakat porak peranda
(5) Lari dari medan perang
(6) Menjejaskan hubungan kekeluargaan
(7) Qazaf


PRAKTIS SPM

- Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana syirik boleh merosakkan aqidah / Kita hendaklah bersikap amanah dalam menguruskan harta anak yatim untuk memelihara hak orang lain / Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti supaya maruah umat Islam terpelihara / Kita hendaklah mempertahankan keamanan Negara supaya Islam dapat ditegakkan / Kita hendaklah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh kerana membunuh melanggar hak asasi manusia.
- Syirik adalah dosa yang paling besar.
- Terbahagi dua :
 - Syirik Jali (nyata) : Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan afa'l (perbuatan), kesannya: merosakkan aqidah, contohnya: menyembah berhala / meyakini Nabi Isa AS sebagai anak Allah / meyakini alam dikuasai oleh selain Allah
 - Syirik Khafi (tersembunyi) : Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT, kesannya: merosakkan pahala amalan, contohnya: melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia (riak) / sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan (takabbur) / berasa hebat dengan amalan sendiri (ujub).
- Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin
- Santau / pukau / minyak pengasih / pelaris
- Maksud : perbuatan menghilangkan nyawa seseorang, kesannya: menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan / memporak-perandakan kehidupan masyarakat, contohnya : menembak dengan senjata api / menikam dengan pisau / meletakkan racun dalam makanan dan minuman
- Maksud: pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang, kesannya: mengakibatkan penindasan / melumpuhkan ekonomi umat Islam, contohnya : hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peraturan tertentu.
- Maksud: menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak, kesannya : mengakibatkan penindasan / menjejaskan hubungan kekeluargaan, contohnya : menyalahgunakan

harta anak yatim / membelanjakan untuk kegunaan peribadi pemegang amanah secara berlebih-lebihan

- Maksud : Menuduh wanita Islam yang baik melakukan penzinaan tanpa membawa saksi, kesannya: menjatuhkan maruah / mencetuskan perbalahan, contohnya : percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti " kamu telah berzina" atau memanggil seseorang wanita "wahai penzina".
- Kehidupan dan jiwa tidak akan aman dan tenteram kerana hatinya sentiasa dibelenggu dosa-dosa yang telah dilakukan masa masa lalu.

I-THINK



SOALAN SEBENAR SPM

- Dua jenis syirik:
 - Jali/nyata
 - Khafi /tersembunyi.
 - Dua cara menghindari perbuatan syirik:
 - Melaksanakan ibadah kepada Allah dengan ikhlas.
 - Menjauhi daripada melakukan tegahan dan larangan Allah.
 - Hujah:
 - Orang yang melakukan syirik terhadap Allah bermakna dia telah menganggap di sana terdapat Tuhan yang lain selain Allah.
 - Perbuatan syirik balasannya adalah kemurkaan Allah dan akan dimasukkan ke dalam neraka, serta kekal didalamnya.
- Dua dosa besar selain sihir :
 - Syirik
 - Qazaf
 - Membunuh
 - Makan riba
 - Makan harta anak yatim
 - Lari daripada medan perang
 - Dua nama surah :
 - Surah al-Fatihah
 - Surah al-Ikhlash
 - Dua pengajaran daripada hadis :
 - Kita hendaklah memelihara diri daripada perbuatan syirik / kerana syirik boleh merosakkan aqidah.
 - Kita hendaklah menghindari diri daripada perbuatan membunuh / kerana membunuh melanggar hak asasi manusia
 - Kita hendaklah bersikap amanah dalam menguruskan harta anak yatim / untuk memelihara hak orang lain
 - Kita hendaklah menghindari diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti / supaya maruah umat Islam terpelihara.
 - Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara / supaya Islam dapat ditegakkan.

Mana-mana yang sesuai dan munasabah diterima

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual)
(2) pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang
(3) lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya.
- B** (1) Petani
(2) Tukang jahit
(3) Penternak kambing
(4) Tukang besi
(5) Tukang kayu
(6) Pengembala kambing, peniaga
- C** (1) Menggunakan potensi diri yang dianugerahkan oleh Allah SWT untuk perkara yang bermanfaat
(2) Maruah diri dan kemuliaan diri terjaga apabila tidak berharap atau bergantung pada orang lain.
(3) Yakin dengan kemampuan diri untuk melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan.
- D** (1) Agama Islam dipandang tinggi kerana sifat umat Islam yang rajin berusaha.
(2) Meningkatkan budaya berdaya saing yang sihat untuk meningkatkan taraf hidup yang lebih baik.

PRAKTIS SPM

- Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal walaupun hasilnya sedikit / Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain demi memelihara kemuliaan dan maruah diri / Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih / Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan agar hidup dirahmati.
- Maksud : berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain
- Konsep : Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT seperti kekuatan tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat / membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri / meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas / berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara / Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.
- Agama : menjadikan Islam di pandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha. Ekonomi: mendapatkan sumber pendapatan yang diyakini halal. Pendidikan : Melahirkan modal Insan yang berkepakaran tinggi melalui peneroakan ilmu dan kemahiran. Kemasyarakatan : Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan.
- Memberi keyakinan dan keazaman yang tinggi untuk melaksanakan sesuatu tugas yang telah dipertanggungjawabkan ke atas diri manusia.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Maksud berdikari :berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.
- (ii) Kelebihan berdikari dari aspek agama dan ekonomi:
Agama :
- Memartabatkan nilai Islam kerana dipandang tinggi oleh bangsa lain
- Meletakkan kemuliaan kepada penganut Islam kerana rajin berusaha kerana Allah
Ekonomi :
- Memperoleh sumber rezeki yang berkat hasil titik peluh sendiri
- Menjana punca pendapatan yang halal kerana berusaha tanpa jemu.

(iii) Mengaplikasi sifat sifat yang difahami dalam hadis :

Cadangan isi :

- Merancang jadual belajar sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya dengan guru atau ibubapa
- Dapat menyelesaikan masalah sendiri sebelum meminta bantuan orang lain.
- Dapat mengambil inisiatif dalam mengetuai kerja berkumpulan.
- Dapat membantu rakan atau ahli keluarga tanpa perlu menunggu tindakan mereka.

Contoh jawapan peranan sebagai murid :

- Sebagai murid saya akan berusaha menyelesaikan masalah sendiri sebelum meminta bantuan orang lain untuk menyelesaikannya (Isi : 1 markah). Hal ini kerana, hanya saya yang memahami punca sesuatu permasalahan itu terjadi. (huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, saya dapat membangunkan keyakinan diri untuk menghadapi cabaran dengan lebih baik (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah berusaha tanpa mengharapkan bantuan orang lain supaya ia dapat diselesaikan dengan baik tanpa berpanjangan.
- (Ayat Kesimpulan : 1 markah)

I-THINK



BIDANG AKIDAH

PRAKTIS DSKP

- A** (1) - Allah memberi balasan kepada mereka yang menentang agama-Nya
- Allah Maha Pembalas dengan mengazab orang yang melampaui batas
(2) - Allah Maha berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala yang dikehendaki.
- Allah memiliki dan menguasai seluruh alam.
- B** (1) Perbuatan Allah SWT tidak boleh dipersoalkan, setiap perbuatan-Nya terkandung hikmah tersembunyi.
(2) Allah menimpakan pembalasan dengan seksaan api neraka terhadap orang yang menolak peringatan yang terkandung dalam al-Quran.
- C** (1) Al-Jabbar
(2) Maha Pembalas
(3) Allah Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendaknya.

PRAKTIS SPM

- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
- لَا تَدْعُهُمْ بِكُفْرِهِمْ إِنَّهُمْ كَانُوا فِي شَكٍّ
- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.
- هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِيمُ الْمُتَعَالِ الْجَبَّارُ الْمُكَرِّمُ شَبَّحَنَ اللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ
- Bila mana manusia merasai al-Muntaqim di dalam setiap kehidupan.

Maka mereka akan sentiasa berwaspada dengan janji Allah berkaitan azab dan neraka yang akan menimpa ke atas manusia yang melampaui batas serta mengingkari ayat-ayat-Nya.

6. Manusia akan sentiasa rendah diri dan tidak sombong kerana merasakan Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam serta semua makhluk berada di bawah kekuasaan-Nya.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Maksud nama Allah al-Jabbar ialah nama yang menunjukkan bahawa Allah Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak.
- (ii) Dua kefahaman mengenai nama Allah al-Jabbar:
- Allah memiliki dan menguasai seluruh alam. Semua makhluk dalam pemerintahan Allah.
 - Allah tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. Setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah tersembunyi.
- (iii) Hujah untuk menyokong pernyataan :
- Cadangan isi :
- Menyedarkan manusia hanya Allah memiliki kuasa mutlak.
 - Membentuk sikap rendah hati dalam kalangan manusia.
 - Mendorong manusia bergantung sepenuhnya kepada Allah.
- Apabila seseorang beriman dengan sifat al-Jabbar, dia akan insaf bahawa segala kekuatan, kehebatan dan kejayaan yang dimiliki hanyalah pinjaman daripada Allah SWT. (Isi : 1 markah) Kesedaran ini akan mendorong individu bersikap tawaduk dan tidak memandang rendah orang lain. (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, akan timbul kesedaran manusia bahawa hanya Allah SWT yang memiliki kekuasaan mutlak (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah mewujudkan rasa takut dan gerun kepada Allah SWT supaya kita akan sentiasa tawaduk

2

- (i) Maksud al-Jabbar:
- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.
- (ii) Dua bukti Allah SWT bersifat al-Jabbar:
- Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam.
 - Setiap perbuatan Allah SWT tidak boleh dipersoalkan kerana mengandungi hikmah yang tersembunyi.
 - Semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT
- (iii) Hujah Allah SWT al-Jabbar:
- Bukti Allah SWT bersifat al-Jabbar terhadap ciptaan-Nya. Hal ini kerana semua makhluk berada dalam pemerintahan-Nya. Kesannya, semua planet berada dan beredar mengikut paksi yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Pelajaran
11

PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

PRAKTIS DSKP

- A (1) Iktikad
(2) Perbuatan
(3) Perkataan
- B (1) menafikan kerasulan dan kenabian para nabi dan rasul
(2) tidak mempercayai hari kiamat, syurga neraka dan perkara-perkara ghaib yang lain
(3) mengingkari rukun Islam dan rukun Iman, tidak mengiktiraf undang-undang syariah Islam kerana dianggap telah lapuk.
- C (1) Melakukan upacara pemujaan agama lain
(2) Sujud dan sembah kepada makhluk lain dengan sengaja
(3) Tidak mempercayai al Quran dan hadis
(4) Mempersendakan hukum hakam Islam seperti melekehkan orang yang berpuasa

- D (1) Mengetahui perkara yang dilakukan membawa kepada kekufuran.
(2) Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun Islam dan rukun Iman.
(3) Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.
(4) Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.
- E (1) Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur.
(2) Bersahabat dengan orang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan.
(3) Melakukan amalan soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul.
(4) Berdoa memohon petunjuk Allah agar sentiasa istiqamah dalam agama Islam.

PRAKTIS SPM

- Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan al-Uluhiyyah (ketuhanan), an-Nubuwwah (kenabian), al-Ghaibiyat (Ghaib), dan as-Syariah.
- (i) "Saya tidak lagi beragama Islam" / "al-Quran sudah tidak sesuai diamalkan lagi"
(ii) "Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid" / "Rasulullah SAW pun buat dosa"
(iii) "Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi" / "Bilal itu telah menyalak seperti anjing"
- Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran, contohnya: sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja / meletakkan peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya / melakukan upacara ibadah agama lain / mengoyak mushaf al-Quran atau meletakkan ayat suci al-Quran, hadis-hadis nabi, nama-nama Allah SWT, rasul, malaikat dan buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya.
- Rosak segala amalan soleh dan ibadah yang dilakukan / Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam / Diharamkan memasuki syurga sebaliknya akan kekal di dalam neraka / Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga Muslim.
- Ilmu: mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur
Sahabat : bersahabat dengan orang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan
Amal : melakukan amalan soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul
Kaji : memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah
Doa : berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa Istiqamah di atas agama Islam
Taubat : sentiasa beristighfar dan memohon keampunan kepada Allah SWT atas dosa dan kesalahan yang dilakukan.
- Kurangnya ilmu berkaitan akidah dan mudah mempercayai kepercayaan-kepercayaan baru yang lebih memudahkan kehidupan harian mereka.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Dua cara iman seseorang boleh terbatal:
- Melalui perkataan
 - Melalui perbuatan
- (ii) Dua implikasi melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu:
- Rosak segala amal soleh yang dilakukan
 - Diharamkan masuk ke dalam syurga.
- (iii) Cadangan langkah:
- Mendalami ilmu akidah supaya dapat memahami batas iman dan kufur.

- Mengenakan tindakan yang berat terhadap mereka yang murtad mengikut hukum Islam sebenar.

2

- (i) Dua contoh perkara yang boleh membatalkan iman:
- Mengingkari kewujudan Allah SWT
 - Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak
 - Sujud kepada berhala / pokok / kubur
 - Melakukan upacara ajaran agama lain
 - Mengatakan 'Saya tidak percaya adanya malaikat'
 - Mengatakan 'Rasulullah SAW melakukan dosa'
 - Menyanjungi maksiat
 - Menghina Islam / Mempersendakan Islam

Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.

- (ii) Dua cara menjauhi perkara yang membatalkan iman:
- Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur
 - Bersahabat dengan orang soleh agar dapat membimbing ke arah kebaikan
 - Berdoa memohon petunjuk Allah SWT agar istiqamah atas agama Islam
 - Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan Allah SWT atas dosa-dosa yang dilakukan
 - Melakukan amalan soleh yang boleh mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT
 - Mengkaji dan memastikan ilmu yang dipelajari berdasarkan al-Quran dan al-Sunah agar terhindar daripada kesesatan

Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.

- (iii) Pandangan tentang rakan yang menggunakan khidmat sihir:

- Menasihati rakan menjauhi perbuatan khurafat
- Mencadangkan rawatan alternatif dengan berjumpa pengamal perubahan Islam
- Mengajak rakan mempelajari ilmu agama supaya tidak mensyirikkan Allah SWT

I-THINK

Perkara Yang Membatalkan Iman

Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.

Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun Iman dan rukun Islam.

Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.

Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.

Pelajaran
12

HINDARI AJARAN SESAT

PRAKTIS DSKP

- A (1) Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- B (1) Memahami dan mentafsir dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu.
- (2) Menyakini terdapat al-Quran lain yang tersembunyi
- (3) Mengaku menjadi nabi atau rasul
- (4) Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam al-Mahdi.
- C (1) Liberalisme : Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama,
- (2) Pluralisme : Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan.

- D (1) Menolak kewajipan ibadah fardu
- (2) Beribadah hanya berzikir untuk menggantikan solat.
- (3) Mengejek, merendah-rendahkan para sahabat Nabi Muhammad SAW.
- (4) Taksuf kepada guru dan ajaran guru hingga merasakan hanya kumpulannya sahaja yang benar.
- E (1) Melemahkan iman dan merosakkan akidah.
- (2) Menjatuhkan imej umat Islam
- F (1) Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.
- (2) Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj ahli sunnah wal jamaah.

PRAKTIS SPM

- Ajaran yang didakwa sebagai agama Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- Memahami dan mentafsirkan dengan logik akal semata-matanya tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul / Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi / Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam.
- Mengaku menjadi nabi atau rasul / Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi / Mendakwa gurunya dapat menebus dosa / Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan / Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga / Menolak alam ghaib seperti ruh, malaikat dan jin.
- Menolak kewajipan ibadah fardu / Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat / Menunaikan ibadah haji di tempat yang di anggap suci selain Makkah Al-Mukarramah / Menghalalkan penzinaan atas nama nikah.
- Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi Muhammad SAW / Bersikap taksuf dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar / Memperkecilkan amalan masyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAW sebaliknya berbangga dengan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam.
- Melemahkan Iman dan merosakkan akidah / Menjatuhkan imej umat Islam
- Melahirkan individu yang pasif dan malas / membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah.
- Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan / Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksuf kepada pemimpin kumpulan.
- Membentuk individu masyarakat yang bersikap agresif dan kasar / memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam.
- (i) Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (ii) Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya.
- (iii) Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan as-Sunnah.
- (iv) Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.
- (v) Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan yang benar.
- (vi) Bertaubat kepada Allah SWT atas ketelanjangan mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat.
- Kurangnya mempelajari ilmu akidah yang sebenar berdasarkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.

BIDANG FEKAH

Pelajaran
13

HAJI DAN UMRAH

PRAKTIS DSKP

- A (1) Haji :Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.

- (2) Umrah :Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
- (3) Wajib sekali seumur hidup bagi yang mukalaf dan berkemampuan.
- (4) وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ
- (5) Rukun Haji : Niat mengerjakan haji, wukuf di Arafah, tawaf di ka'bah, saie, bergunting atau bercukur rambut, tertib pada kebanyakan rukun.
- (6) Rukun Umrah: Niat mengerjakan umrah, tawaf di ka'bah, saie, bergunting atau bercukur rambut, tertib pada semua rukun.

B

- (1) Islam
- (2) Baligh
- (3) Berakal
- (4) Merdeka
- (5) Berkemampuan

C

- (1) Niat ihram di miqat
- (2) Bermalam di muzdalifah
- (3) Melontar 7 anak batu di jamrah kubra
- (4) Bermalam (mabit) di Mina
- (5) Melontar 7 anak batu diketiga-tiga jamrah
- (6) Menjauhi perkara larangan ihram

D

- (1) Ifrad
- (2) Tamatuk
- (3) Qiran

PRAKTIS SPM

1. Haji: Bahasa: Tujuan dan maksud, Istilah: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
2. Umrah: Bahasa: Ziarah, Istilah: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
3. وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ
(Surah al-Baqarah 2 : ayat 196)
Maksud : Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.
4. Wajib sekali seumur hidup bagi setiap individu yang Mukallaf dan berkemampuan.
5. Islam, Baligh, Berakal, Merdeka, Berkemampuan (Istithoa'h).
6. 1) Cukup perbelanjaan untuk mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik, 2) Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang di bawah tanggungannya, 3) Ada kenderaan pergi dan balik, 4) Aman perjalanan pergi dan balik, 5) Sihat tubuh badan.
7. Haji: 1) Niat Mengerjakan Haji, 2) Wukuf di Arafah, 3) Tawaf di Kaabah, 4) Saie, 5) Bergunting atau bercukur rambut, 6) Tertib pada kebanyakan rukun.
Umrah : 1) Niat Mengerjakan Umrah, 2) Tawaf di Kaabah, 3) Saie, 4) Bergunting atau bercukur rambut, 5) Tertib pada semua rukun.
8. Haji : 1) Niat Ihram di Miqat, 2) Bermalam (mabhit) di Muzdalifah, 3) Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubro, 4) Bermalam (mabhit) di Mina, 5) Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga Jamrah, 6) Menjauhi larangan Ihram, 7) Menjauhi larangan Ihram.
Umrah : 1) Niat Ihram di Miqat, 2) Menjauhi larangan Ihram.
9. (i) Miqat Zamani: ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat Ihram haji bermula dari 1 Syawal hingga masuk waktu subuh 10 Zulhijjah.
(ii) Miqat Makani : Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat berniat Ihram
10. 1) Zul Hulaifah (Bi'ru Ali) dari arah Madinah, 2) Zaatu Irqi (dari arah Iraq), 3) Qhornul Manazil (dari arah Malaysia, Asia Tenggara), 4) Yalamlam (dari arah Yaman), 5) Juhfatu (dari arah Mesir dan Tunisia).
11. Sunat Haji: 1) Mandi sunat Ihram, 2) Solat Sunat Ihram, 3) talbiah, 4) Mengutip anak batu di Muzdalifah, 5) Solat sunat selepas melakukan Tawaf.
Sunat Umrah: 1) Mandi sunat Ihram, 2) Solat Sunat Ihram, 3) Talbih, 4) Solat sunat selepas melakukan Tawaf.

12. Persamaan :

Aspek	Haji dan Umrah
Rukun	1. Larangan Ihram
	2. Mempunyai Miqat Makani
Perkara Wajib	1. Tawaf Ifadho
	2. Saie
	3. Bercukur

13. Perbezaan :

Aspek	Haji	Umrah
Waktu	Dikerjakan pada bulan Haji sahaja	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
Rukun	Wajib Wukuf	Tiada Wukuf
Perkara Wajib	1. Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga Jamrah 2. Bermalam di Muzdalifah 3. Bermalam di Mina 4. Melontar 7 anak batu di Jamratul Kubro	1. Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga Jamrah 2. Tiada bermalam di Muzdalifah 3. Tiada bermalam di Mina 4. Tiada melontar 7 anak batu di Jamratul Kubro


14. Haji Ifrad: Mengerjakan haji dahulu, kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama.
Haji Tamattuq: Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji, kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.
Haji Qiran: Berniat mengerjakan haji dan umrah secara serentak.
15. Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah SWT / Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT bagi mencapai kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT / Saling mengenali sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa dan Negara / Menzahirkan kekuatan umat Islam / Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam / Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam tabung haji supaya dana umat Islam meningkat / Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan baharu.
16. Syarat wajib haji yang kelima adalah berkemampuan, sekiranya tidak berkemampuan maka gugurlah kefarduan hajinya.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Maksud haji dari segi istilah:
Mengunjungi Baitullah pada bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
- (ii) Dua syarat wajib haji:
 - Islam
 - Baligh
- (iii) Hujah menyokong pernyataan:
 - Umat Islam dari seluruh dunia datang ke Mekah untuk menunaikan haji, menunjukkan ketaatan dan kepatuhan mereka kepada Allah SWT.
 - Islam adalah agama yang mementingkan kesatuan serta perpaduan.

I-THINK



Pelajaran 14

SEMBELIHAN

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Bahasa : Memotong,
Istilah : Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat march
- (2) Wajib
- (3) Rukun : Penyembelih, binatang sembelihan, alat sembelihan
- B** (1) Islam/ahli kitab , Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT
- (2) Membaca basmalah, menghadap kiblat, menyembelih pada waktu siang, menyembelih menajamkan pisau
- (3) Tidak membaca basmalah, tidak menghadap kiblat, menyembelih pada waktu malam, menyembelih dihadapan binatang lain


PRAKTIS SPM

- Bahasa: Memotong.
Istilah : Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkom dan urat march.
- حَرَمَتْ عَلَيْكَ أَلْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمُ الْخَنَزِيرِ وَمَا أَهْلَ لَغَيْرِ اللَّهِ هَدَى وَالْمَوْفُودَةَ وَالْمَرْدِيَّةَ وَالنَّطِيجَةَ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْنَهُ
(Surah Al-Maidah 5: ayat 3)
- Wajib (supaya halal dimakan dagingnya).
- Rukun sembelihan : Penyembelih, binatang sembelihan, alat sembelihan.
- 1) beragama Islam atau ahli kitab 2) melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT.
- 1) masih mempunyai hayat mustaqirrah (haiwan yang mampu bergerak dengan bertenaga) 2) putus urat halkum dan march dengan segera dan sekali sembelihan.
- Alat sembelihan yang dibolehkan ialah alatan yang boleh melakukan binatang sembelihan kecuali kuku, gigi dan tulang.
- 1) penyembelih menajamkan pisau 2) menyembelih pada waktu siang 3) menghadap kiblat 4) membaca basmalah.
- Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri.
- Alatan yang tajam seperti pisau.
- 1) menyembelih di hadapan binatang lain 2) menyembelih pada waktu malam 3) tidak menghadap kiblat 4) tidak membaca basmalah.
- Menyiksa binatang.
- Menggunakan pisau yang tumpul
- Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya

ibadah diterima / Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan / Mempercepatkan proses kematian binatang yang disembelih.

15. Menghindarkan dan mengelak masyarakat daripada ditimpa penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan.

I-THINK



Pelajaran 15

KORBAN DAN AKIKAH

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Unta : 5 tahun dan ke atas
(2) Kambing : 2 tahun dan ke atas
(3) Lembu : 2 tahun dan ke atas
(4) Biri-biri : 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan.
- B** (1) 1/3/ bahagian dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran-jiran
(2) 1/3 di makan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya
(3) 1/3 disedekahkan kepada fakir dan miskin
- C** (1) Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran
(2) Menyembelih ketika matahari sedang naik.
(3) Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut yang dicukur

PRAKTIS SPM

- Menyembelih binatang ternakan al-An'am pada sepuluh Zulhijjah hingga akhir hari Tashriq bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Sunat Muakkad dan wajib jika bernazar.
- 1) berniat korban 2) masa pelaksanaan 3) cukup umur 4) sifat al-an'am
- Unta, biri-biri, kambing, lembu, kerbau
- Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kukunya pada permulaan bulan zulhijjah sehingga selesai berkorban / Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri dan tidak mewakili orang lain jika mampu / Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti mengadap arah kiblat dan alat sembelihan yang tajam / Membaca bismillah Allahuakbar dan berselawat atas Rasulullah SAW ketika menyembelih / berdoa semasa hendak menyembelih :
اللهم هذا منك واليك فقبل مني
- Maksud: Ya Allah, binatang ini dariMu dan kembali kepadaMu, terimalah korbanku
- Korban dilakukan pada 10 zulhijjah dan hari-hari tashriq (11,12,13 zulhijjah)

7. 1/3 di hadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran-jiran, 1/3 disedekahkan kepada fakir dan miskin, 1/3 dimakan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya.
8. Mengagungkan syiar Islam yang merupakan tanda taqwa bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT / Menghayati semangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS supaya semangat tersebut menaikkan semangat jihad / Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat sunat Aidil Adha menghimpunkan seluruh umat Islam / Tanda bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat supaya rezeki yang diperolehi sentiasa diberkati.
9. Maksud: binatang ternakan al-An'am yang disembelih sempena kelahiran bayi. Hukum: sunat muakkad dan wajib jika bernazar
10. 1) berniat aqiqah 2) masa pelaksanaan 3) cukup umur 4) sifat al-An'am
11. Berdoa semasa hendak menyembelih:

بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُمَّ هَذَا مِنْكَ وَالْيَاكِ عَقِيقَةٌ.....(سبوت نام اتق)

Maksud: Dengan nama Allah, Allah Maha Besar, Ya Allah, binatang ini daripadamu dan kembali kepadamu, ini aqiqah(sebut nama anak). / Menyembelih ketika matahari sedang naik / Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran / Tidak dipatah-patahkan tulang binatang semasa memotong daging kecuali mengikut sendinya / mencukur rambut bayi selepas penyembelihan, memberi nama yang baik kepada bayi / Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut bayi yang telah dicukur.
12. Tempoh sunat: Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh, wajib: pada hari ketujuh kelahiran bayi
13. Sunat dimasakkan dengan masakan yang manis dan disedekahkan sesudah dimasak. Masakan itu afdal disedekahkan kepada orang miskin / Masakan itu juga sunat dimakan oleh orang yang beraqiqah.
14. Menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan cahaya mata / Mengebahkan berita kelahiran supaya tidak timbul prasangka / Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhkan sifat bakhil.
15. Akan dapat mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat sunat Aidiladha menghimpunkan seluruh umat Islam serta menyuburkan sifat pemurah dan menjauhkan sifat bakhil.

SOALAN SEBENAR SPM

- 1
 - (i) Maksud korban: Menyembelih binatang ternakan al-An'am pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari tashriq.
 - (ii) Dua jenis kecacatan binatang yang menyebabkan tidak sah korban:
 - Cacat pada matanya
 - Kaki tempang
- 2
 - (i) Had umur:
 - (1) Unta: 5 tahun dan ke atas
 - (2) Lembu: 2 tahun dan ke atas
 - (ii) Dua perbezaan antara ibadat korban dan akikah:

Korban	Akikah
Tujuan menghampirkan diri kepada Allah SWT	Melahirkan kesyukuran kerana kelahiran anak
Masa melaksanakannya adalah pada 10 Zulhijjah / Hari Raya Aidiladha / Hari Tasyrik	Bila-bila masa / Hari ketujuh selepas kelahiran bayi
Pembahagian afdal daging mentah	Afdal daging yang telah dimasak
Bilangan binatang tidak ditentukan	Bilangan ditentukan 2 bahagian bagi lelaki dan 1 bahagian bagi perempuan
 - (iii) Pandangan tentang pelaksanaan akikah bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan yang berhutang untuk melaksanakannya:

- Boleh diteruskan berhutang dengan syarat mampu dibayar
- Ditangguhkan sehingga betul-betul berkemampuan
- Harus berhutang untuk melaksanakannya

Pelajaran 16

MUAMALAH ISLAM

PRAKTIS DSKP

- A (1) Dharar
 - (2) Judi
 - (3) Riba
 - (4) Gharar
- B (1) Riba Ad-Duyun
 - (2) Riba Al-Buyu'
- C وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الزِّبَا
- D (1) Konvensional
 - Mengamalkan Riba
 - Berteraskan keuntungan dan kekayaan
 - Terdapat unsur judi dan gharar
 - Dari pemikiran dan teori manusia
- (2) Muamalat Islam
 - Sumber al-Quran dan as-Sunnah
 - Tiada unsur judi dan gharar
 - Mengharamkan riba
 - Berteraskan keimanan kepada Allah SWT
- E (1) Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup.
- (2) Wakalah
- (3) Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi.
- (4) Sewaan
- (5) Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih.

PRAKTIS SPM

1. Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jualbeli, sewaan, simpanan dan sebagainya.
2. وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الزِّبَا (Surah Al-Baqarah 2 : ayat 275)
Maksud: Padahal Allah telah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba'.
3. Harus.
4. Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia / Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah / Segala urusan dalam Muamalah Islam bertepatan dengan matlamat Syariah Islam / Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik / Mendapat keredhaan Allah SWT kerana melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam urusan harian.
5. Dalil naqli tuntutan beramal dengan Muamalah Islam / Dalil Naqli ancaman tidak beramal dengan Muamalah Islam / Contoh keperihatinan Nabi dan sahabat dalam menjaga Muamalah Islam
- 6.

Muamalah Islam	Konvensional
Bersumberkan dalil al-Quran dan as-Sunnah	Bersumberkan teori dan pemikiran manusia semata-mata
Mengharamkan riba	Mengamalkan riba
Bebas dari unsur judi dan gharar	Mengandungi unsur judi dan gharar
Berteraskan keimanan kepada Allah SWT	Berteraskan keuntungan dan kekayaan

7. (i) Riba : Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan

- hutang.
- (ii) Gharar : Kesamaran dalam urusan Muamalah yang tidak dibenarkan oleh syarak.
- (iii) Dharar: Setiap perkara yang membawa kerosakan.
- (iv) Judi : Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga.
8. Bahasa: Ikatan, Simpulan
Istilah: Ijab dan Qabul dalam urusan perniagaan dan kewangan
9. (i) Pihak yang berakad : 1) penjual dan pembeli mestilah : baliqh, berakal, mampu memelihara dan menguruskan hartanya 2) Melibatkan dua pihak yang bebas membuat pilihan.
- (ii) Perkara yang diakadkan: 1) mestilah wujud ketika akad berlaku 2) barang atau perkhidmatan yang diakadkan adalah halal 3) dapat diserahkan ketika akad.
- (iii) Sighah : lafaz ijab dan qabul adalah sepadan 2) lafaz ijab dan lafaz qabul tidak diikat dengan syarat tertentu 3) lafaz ijab dan lafaz qabul dalam satu pertemuan.
10. (i) Jualbeli : Sesuatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli. Contoh: Membeli makanan di kantin sekolah dengan duit
- (ii) Sewaan: Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu. Contoh: sewa rumah.
11. (i) Hibah : Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup. contoh: memberi sebuah rumah kepada anak.
- (ii) Qhardu: Memberi hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan (faedah) dan perlu membayar kembali dengan jumlah yang sama. contoh memberi pinjaman wang RM 100 untuk kegunaan peribadi.
- (iii) Waqaf : Mewaqafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya (ainnya) untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT. Contoh: Mewaqafkan rumah untuk pusat penjagaan anak-anak yatim.
- (iv) Wadiah : Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya. contoh: simpanan wang.
12. (i) Musyarakah : Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih. contoh: perkongsian untuk menubuhkan syarikat perniagaan
- (ii) Mudharabah: Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungan dibahagikan antara mereka. Contoh : pemodal memberikan RM10,000 kepada pengusaha untuk perniagaan buah-buahan dan kadar keuntungan yang dipersetujui 60% untuk pengusaha dan 40% untuk pemodal.
13. Wakalah : Mewakulkan pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain. contoh: Arshad mewakulkan Syafiq untuk menjual sebuah rumahnya dan Syafiq akan dibayar imbuhan dipersetujui.
14. (i) Kafalah : Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi. contoh: Muhammad menjadi penjamin kepada ahmad membuat pembiayaan daripada sebuah bank.
- (ii) Rahn : Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang. contoh: maimunah menggadaikan gelang emas kepada bank bagi mendapatkan pinjaman daripada bank.
15. Masyarakat akan hidup aman dan damai kerana tidak wujud ketidakadilan dalam pembahagian kekayaan Negara kepada masyarakat.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Maksud judi: Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga.
- (ii) Dua contoh perbuatan berkaitan dengan judi:
- Mempertaruhkan wang dalam sesebuah perlumbaan.

- Membuat pertaruhan dalam menentukan kejuaraan/permainan.
- (iii) Hujah untuk menyokong pernyataan judi merosakkan keluarga:
- Cadangan isi
- Menghancurkan kestabilan kewangan sesebuah keluarga
 - Mencetuskan konflik dan keruntuhan rumah tangga
 - Memberi contoh buruk kepada anak-anak
 - Menjauhkan diri dan keluarga daripada Rahmat Allah SWT.
- Cadangan jawapan
- Judi akan menghancurkan kestabilan kewangan sesebuah keluarga dengan mengganggu tanggungjawab memberi nafkah (Isi : 1 markah). Hal ini kerana penjudi akan sanggup menggadaikan harta, mencuri atau berhutang demi mendapatkan modal untuk berjudi (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya perkara akan membawa keluarga ke kancuh kemiskinan akibat menanggung hutang serta tiada simpanan pada masa depan (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu kita hendaklah menjauhkan diri daripada melakukan dosa besar kerana ia bukan Sahaja memberi kesan kepada diri malah keluarga dan orang sekeliling (ayat Kesimpulan : 1 markah)

2

- (i) Maksud muamalat Islam:
- Hukum syarak yang dikaitkan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.
- (ii) Empat jenis akad:
- Pertukaran
 - Kebajikan
 - Perkongsian
 - Agen
- (iii) Dua perbezaan antara muamalat Islam dengan konvensional:

Muamalat Islam	Konvensional
Sumber dalil al-Quran dan as-Sunnah.	Bersumberkan teori dan pemikiran manusia semata-mata
Mengharamkan riba	Mengamalkan riba
Bebas daripada unsur judi dan gharar	Mengandungi unsur judi dan gharar
Berteraskan keimanan kepada Allah SWT.	Berteraskan keuntungan dan kekayaan

Pelajaran 17

SOLAT SUNAT DHUHA DAN SOLAT SUNAT GERHANA

PRAKTIS DSKP

- A (1) Maksud: Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.
- (2) 2, 4, 6 atau 8 rakaat
- (3) Digalakkan secara bersendirian
- (4) أَصَلَّى سُنَّةَ الضُّحَى رُغْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى
- Sahaja aku solat sunat dhuha dua rakaat kerana Allah
- (5) Mendekatkan diri kepada Allah SWT, membuktikan ketaatatan kepada Allah SWT, Mendapat rahmat dan rezeki Allah SWT
- B (1) Solat sunat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau bulan dengan cara-cara yang tertentu.
- (2) Sunat muakkad
- (3) Digalakkan secara berjemaah
- (4) Ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan
- (5) Menginsafi kekuasaan Allah SWT, memandu manusia mentauhidkan Allah SWT kerana meninggalkan amalan khurafat semasa gerhana.

PRAKTIS SPM

1. Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk sehingga gelincir matahari. Hukum : Sunat Muakkad
2. 2,4,6 / 8 rakaat
3. Mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi meraih kasih sayang daripada

Allah SWT / Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa / Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT

4. Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu. Hukum: Sunat Muakkad.
5. Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta agar bersyukur di atas nikmat yang diberikan / Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak sengaja / Memberi peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran / Memandu manusia mentauhidkan Allah SWT kerana meninggalkan amalan khurafat semasa gerhana / Mendapatkan ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.
6. Solat sunat gerhana / memperbanyakkan istighfar / berdoa / bertakbir / bersedekah
7. Perlu melakukan solat gerhana secara berjamaah, khutbah, banyakkkan beristighfar.

BIDANG SIRAH

Pelajaran
18

KERAJAAN KHULAFAH AR-RASYIDIN

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Abu Bakar AS-Siddiq RA
(2) Umar bin Al Khattab RA
(3) Uthman bin Affan RA
(4) Ali bin Abi Talib RA
- B** (1) 11H- 40H / 632M-662M , 30 tahun
(2) 4
(3) Madinah
(4) Mengumpul dan menulis semula naskhah al-Quran, menubuhkan sekolah, menyelaraskan bacaan dan penulisan mashaf al-Quran
(5) Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah, memajukan sistem pengairan dan saliran, mengemaskini institusi baitulmal dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian.

PRAKTIS SPM

1. Tegas: tegas dalam memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
Setia dengan Arahan Rasulullah SAW: meneruskan tindakan Rasulullah SAW untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai panglima angkatan tentera Islam kepada kerajaan Ghassan kerana telah membunuh utusan Rasulullah SAW.
Berpandangan Jauh: mengarahkan Zaid bin Thabit mengetuai usaha menghimpun tulisan ayat al-Quran yang terdapat pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan kerana ramai penghuffaz al-Quran terkorban dalam peperangan yamamah.
Mengamalkan Syura: mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan tentang tentera rom dengan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam
2. Tegas: menggantikan kepimpinan Khalid bin al-Walid sebagai panglima angkatan tentera Islam dengan Abu Ubaidah bin al-Jarah semasa perang yamamah.
Adil: memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa
Berkikiran Terbuka: bersedia ditegur Rasulullah SAW dan menerima pendapat daripada sahabatnya Abu Bakar as-Siddiq tentang pembebasan tawanan perang badar kerana menghormati keputusan mesyuarat
Cekap: menubuhkan majlis syura dan beberapa jabatan baharu (al-

Dewan) serta mengemas kini Baitul mal bagi melicinkan pentadbiran Negara, beliau juga membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang gabenor yang cekap seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Amru bin al-'As

3. Berpandangan Jauh: Menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Thabit menggunakan lajah arab Quraisy yang dikenali sebagai mashaf Uthmani demi memelihara kesucian al-Quran.

Prihatin : Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan Negara, beliau juga membesarkan masjid Nabawi untuk keperluan dan kesejahteraan umat Islam

Berkikiran Terbuka: Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul mal, beliau juga telah membenarkan sahabat keluar dari kota Madinah.

Inovatif ; Menubuhkan angkatan tentera laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir

4. Tegas; Memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-Ashaari untuk meredakan kemarahan puak pemberontak.

Berilmu: Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang sehingga dilantik sebagai hakim di Yaman

Berpandangan Jauh: Menanggukuhkan hukuman qisas terhadap pembunuh khalifah Uthman bin Affan kerana keadaan Negara yang masih huru hara dan dikuasai oleh puak pemberontak.

Berani: Menyertai hampir kesemua peperangan seperti perang badar dan perang khaibar serta berada di barisan hadapan, sanggup menerima jawatan khalifah walaupun mengetahui beban yang bakal dihadapi.

5. (i) Khalifah Abu Bakar as-Siddiq: Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat
(ii) Khalifah Umar al-Khattab: Menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir, Parsi dan Rom
6. (i) Khalifah Abu Bakar as-Siddiq: Pembukaan wilayah baharu Islam disebahagian wilayah Iraq dan Syam
(ii) Khalifah Umar al-Khattab: Menubuhkan majlis Syura, jabatan tentera, jabatan polis, jabatan percukaian dan jabatan perbendaharaan negara
(iii) Khalifah Uthman bin Affan : Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam sehingga ke Rom, Mesir dan Afrika utara serta menawan Pulau Cyprus
7. (i) Khalifah Umar al-Khattab: Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan Kharaj, Memajukan sistem pengairan dan saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Bashrah, Mengemas kini institusi Baitul Mal dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyakkan hasil pertanian.
(ii) Khalifah Ali bin Abi Talib : Meneruskan kutipan jizyah dikenakan terhadap golongan zimmi
8. Khalifah Umar al-Khattab: Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah, Memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat, Membina kemudahan umum seperti tali air untuk kemudahan pertanian.
9. (i) Khalifah Umar al-Khattab: Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq, Membuka Baitul Muqaddis, Palestin dan Mesir
(ii) Khalifah Uthman bin Affan : Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.
10. (i) Khalifah Abu Bakar as-Siddiq: Mengumpul dan menulis semula naskhah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan yamamah
(ii) Khalifah Umar al-Khattab: Menubuhkan sekolah iaitu al-Kutub yang dikhususkan untuk kanak-kanak
(iii) Khalifah Uthman bin Affan : Menyelaraskan bacaan (qiraat) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan bahasa Quraisy dengan nama Mashaf al-Uthmani.

II. Generasi kini perlu menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan Negara dan menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Dua sumbangan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dalam mempertahankan Islam:
- Memerangi golongan murtad
 - Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara
- (ii) Dua pencapaian Khalifah Umar al-Khattab dalam bidang ekonomi:
- Berjaya mengemaskini Baitulmal
 - Memantapkan cukai Jizyah

(iii) Huraian:


- Sebagai ketua perlu menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan
- Sebagai ketua bersedia menerima teguran sekiranya terdapat kesalahan

2

- (i) Dua orang khalifah daripada khulafa al-Rashidin:
- Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
 - Khalifah Umar bin al-Khattab
 - Khalifah Uthman al-Affan
 - Khalifah Ali bin Abi Talib
- (ii) Dua pencapaian khulafa al-Rashidin dalam memperkasakan bidang pendidikan:
- **Mengumpul dan menulis naskhah al-Quran**
 - **Menubuhkan sekolah, iaitu al-kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak**
 - **Menyelaraskan bacaan dan penulisan mushaf Uthmani**
- (iii) Dua iktibar daripada pemerintahan khulafa al-Rashidin:
- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara
 - Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan
 - Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain
 - Kita hendaklah menyumbangkan kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara

Mana-mana yang sesuai dan munasabah diterima

I-THINK



Iktibar Pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin

- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara.
- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
- Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.
- Kita hendaklah menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara.
- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
- Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam supaya umat Islam dihormati.

Pelajaran 19

KERAJAAN Umayyah

PRAKTIS DSKP

- A**
- (1) Muawiyah bin Abi Sufyan
 - (2) Abdul Malik bin Marwan
 - (3) Al-Walid bin Abdul Malik
 - (4) Umar bin Abdul Aziz
- B**
- (1) Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan
 - (2) Pelantikan gabenor yang berwibawa
 - (3) Pengurusan baitulmal yang cekap sehingga meningkatkan hasil negara melebihi keperluan
 - (4) Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara.

PRAKTIS SPM

1.

Asal Penubuhan	Bersempena nama Umayyah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy
Pengasas	Muawiyah bin Abi Sufian
Tempoh Memerintah	Tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah
Keluasan Kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah
Bilangan Khalifah	14 orang khalifah
Khalifah yang Terkenal	1. Muawiyah bin Abi Sufian 2. Abdul Malik bin Marwan 3. Al-Walid bin Abdul Malik 4. Umar bin Abd Aziz
Khalifah Terawal	Muawiyah bin Abi Sufian
Khalifah Terakhir	Marwan bin Muhammad
Pusat Pemerintahan	Damsyik, Syria

- Muawiyah bin Abi Sufian (khalifah pertama) 19 tahun 3 bulan (41H-60H), Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal, Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda (Dewan al-Barid), Memperkenalkan cap mohor rasmi kerajaan Umayyah (Dewan al-Khatam), Menubuhkan jabatan setiausaha (Dewan al-Rasail), jabatan cukai dan jabatan urusan awam, Memperkasa armada laut
- Abdul Malik bin Marwan (khalifah kelima) 21 tahun (65H-86H), Menetapkan bahasa arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran Negara, Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan arab dan berteks al-Quran, Menaik taraf perkhidmatan pos dan sistem pengangkutan awam, Menubuhkan dewan al-Jundu untuk menguruskan pertahanan Negara, Mengarahkan pembinaan Kubbatul Sakhra di Baitul Maqdis.
- Al-Walid bin Abdul Malik (khalifah ke enam) 9 tahun 7 bulan (86H-96H), Pembukaan wilayah baru Islam seperti Andalus dan India, Memperbaiki dan mencantikkan seni bina Masjidil Nabawi, Membina banyak masjid baharu seperti masjid Umawiy di damsik yang bercirikan seni bina Islam, Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas, Menggalakkan pembinaan bangunan baharu bercirikan seni bina Islam, Memperbaiki jalan raya menuju ke negeri hijaz bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Baitullah al-Haram.
- Umar bin Abdul Aziz (khalifah kelapan) 2 tahun 5 bulan (99H-101H), Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam, Mengeluarkan arahan rasmi kepada Ibnu Shihab al-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW, Membina rumah transit untuk para pedagang, Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam, Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulama untuk memberi nasihat kepada khalifah.
- Khalifah Umar Abdul Aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajian al-Quran dan pembukuan hadis, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid Nabawi untuk merancakkan aktiviti keagamaan.
- Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan oleh khalifah Muawiyah bin Abi Sufian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara, Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak khawarij dan syiah, Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah.
- Pengurusan Baitul mal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan contohnya pada zaman khalifah al-Walid bin Abdul Malik, Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara.
- Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat pengembangan ilmu

pengetahuan, Galakan daripada khalifah al-Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu.


- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara, Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih, Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan.
- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital, Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat.
- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga, Pemberontakan oleh puak syiah dan khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umayyah.
- Sikap taksub antara kabilah arab utara dan selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan, Sikap diskriminasi sebagai khalifah terhadap golongan mawali seperti bangsa Parsi dan Barbar dalam pemilihan jawatan gabenor.
- Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat, keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman.
- Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dalam urusan kepimpinan agar syariat Islam dapat ditegakkan / Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana / Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat agar hidup harmoni / Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan agar mengeratkan kasih sayang / Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan kedaulatan Negara / Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam
- Generasi kini perlu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam serta memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan kedaulatan Negara.

SOALAN SEBENAR SPM

- Dua sumbangan khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan
 - Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal
 - Wujudnya perkhidmatan pos berkuda
 - Cap mohor rasmi Kerajaan diperkenalkan
 - Penubuhan jabatan setiausaha, jabatan cukai, dan jabatan urusan awam
 - Memperkasa armada laut

I-THINK

Asal Penubuhan	Bersempena nama Umayyah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy
Pengasas	Muawiyah bin Abi Sufian
Tempoh Memerintah	Tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah
Keluasan Kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah
Bilangan Khalifah	14 orang khalifah
Khalifah yang Terkenal	1. Muawiyah bin Abi Sufian 2. Abdul Malik bin Marwan 3. Al-Walid bin Abdul Malik 4. Umar bin Abd Aziz
Khalifah Terawal	Muawiyah bin Abi Sufian
Khalifah Terakhir	Marwan bin Muhammad



Pelajaran
20

KERAJAAN ABBASIYAH

PRAKTIS DSKP

- A**
- (1) Abu Al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali Al-Saffah
 - (2) 4 tahun 9 bulan
 - (3) Mengembalikan keamanan dan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantin, Mengasas kerajaan Abbasiyah, Menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan golongan Syiah dan Khawarij.
- B**
- (1) Pengabaian kebajikan rakyat
 - (2) Berlaku pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij
 - (3) Pertahanan negara yang lemah
 - (4) Serangan daripada tentera Monggol telah meruntuhkan kekuatan kerajaan Abbasiyyah

PRAKTIS SPM

1.

Asal Penubuhan	Bersempena nama bapa saudara Rasulullah SAW iaitu al-Abbas bin Abdul Mutalib
Pengasas	Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah
Tempoh Memerintah	Selama 524 tahun iaitu bermula dari tahun 132 hijrah hingga tahun 656 hijrah
Keluasan Kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah
Bilangan Khalifah	37 orang khalifah
Khalifah yang Terkenal	1. Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah 2. Abi Ja'far Abdullah Muhammad bin Ali al-Mansur 3. Harun ar-Rasyid bin Muhammad Mahdi bin al-Mansur al-Abasiy 4. Al-Makmun bin Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi
Khalifah Terawal	Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah
Khalifah Terakhir	Abu Ismail Muhammad al-Musta'sim bin Harun ar-Rasyid
Pusat Pemerintahan	Baghdad, Iraq

2. Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah (khalifah pertama) 4 tahun 9 bulan (132H-136H), Mengasaskan kerajaan Abbasiyyah, Mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan al-Byzantin, Menstabilkan keamanan dalam Negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan syiah dan khawarij.
3. Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abasiy (khalifah kelima) 23 tahun (170H-192H), Memperkembangkan sistem percukaian Islam berpandukan kitab al-Hiraj, Mewujudkan jawatan ketua hakim negara (Qadi al-Qhudhot), Membina Baitul Hikmah (perpustakaan agung), Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan dan kebudayaan, Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian, Menubuhkan Majlis Al-Munaazarah sebagai pusat penyelidikan ilmu Islam.
4. Abu Ja'far Abdullah al-Makmun bin Harun ar-Rasyid (khalifah ketujuh) 20 tahun (198H-218H), Mempergiatkan usaha penterjemahan karya dari bahasa asing seperti yunani dan rom ke dalam bahasa arab, Menjadikan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan Negara, Membina balai cerap sebagai pusat penyelidikan ilmu, Menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang cemerlang.
5. Galakan khalifah yang memberikan peruntukan khas melalui Baitul mal untuk para ulama' menjalankan dakwah, Semangat jihad yang tinggi dalam menguasai pelbagai bidang ilmu seperti ilmu bahasa, sains, kejuruteraan dan perubatan berjaya memartabatkan tamadun Islam, peranan institusi pendidikan seperti masjid dan istana khalifah sebagai pusat pengajian ilmu Islam dan penyebaran dakwah.
6. Kebijaksanaan khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadikan Baghdad sebagai pusat pentadbiran negara / Pemberontakan dan perbalahan daripada golongan syiah di Baghdad dan golongan utara dan selatan syiria berjaya dihapuskan, Kestabilan politik kerajaan Abbasiyyah mendorong khalifah memajukan negara.
7. Kedudukan Baghdad di tengah-tengah laluan perdagangan dari Timur dan Barat menjadikannya pusat tumpuan aktiviti perdagangan, Sektor pertanian : perindustrian dan perdagangan berjaya mendominasi pasaran antarabangsa kerana berupaya memenuhi permintaan pasaran semasa, insentif khalifah membina empangan, pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan, sumber dan pengurusan Baitul mal yang sistematik menyebabkan kerajaan dapat menyediakan prasarana dan peluang pekerjaan untuk rakyat.
8. Layanan yang adil daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan / Kebebasan mengamalkan agama mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat / Orang bukan Islam khususnya orang Parsi diberi peluang memegang jawatan utama dalam pentadbiran negara seperti jawatan perdana menteri.
9. Strategi peperangan yang mantap seperti strategi al-Karadis telah Berjaya mengalahkan serangan musuh / Inovasi peralatan peperangan yang moden dan canggih ketika itu seperti manjanik, dabbabah, barudu / Keprihatinan pemimpin menjaga kebajikan tentera diutamakan melalui pemberian gaji dan bonus / Dasar keterbukaan keanggotaan tentera kepada orang bukan arab seperti Parsi dan Turki Berjaya mengukuhkan kekuatan pasukan.
10. Aktiviti penterjemahan bahasa asing ke dalam bahasa arab menggalakkan penguasaan dan kemahiran pelbagai disiplin ilmu / Perkembangan pelbagai bidang ilmu Berjaya melahirkan ramai sarjana dan ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Jabir al-Hayyan dan al-Idrisi / Galakan khalifah seperti al-Makmun dengan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang / Kemudahan institusi pendidikan seperti masjid, istana khalifah, perpustakaan dan pusat pengajian yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu.
11. Campurtangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki dalam pentadbiran / Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntashir dan al-Mu'taz menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah / perpecahan beberapa wilayah sehingga memberi peluang kepada pembentukan kerajaan kecil seperti Saljuk dan Buwaih.
12. Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah / Pemberontakan dalam kalangan puak syiah dan khawarij sehingga

mengganggu ketenteraman awam.

13. Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad. Hal ini menyebabkan dana Baitul mal merosot / Sektor pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan.
14. Pertahanan ketenteraan yang lemah memudahkan serangan daripada pihak musuh seperti orang Georgia dan Armenia / Serangan daripada tentera Monggol (Halaku Khan) telah meruntuhkan kekuatan kerajaan Abbasiyyah.
15. Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar / Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran agar menjadi contoh ikutan terbaik / Kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak agar mampu bersaing di peringkat global / Kita hendaklah memiliki perasaan cinta akan Negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri / Kita hendaklah mengeratkan perpaduan antara kaum agar keharmonian terpelihara / Kita hendaklah memperbanyakkan penerokaan ilmu agar kegemilangan tamadun Islam terus terjamin
16. Generasi pada masa kini memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam banyak bidang agar mampu bersaing di peringkat global.

SOALAN SEBENAR SPM


- 1 Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek pendidikan:
 - Aktiviti penterjemahan bahasa asing ke bahasa Arab memudahkan pemahaman dan penguasaan pelbagai bidang ilmu.
 - Lahirnya ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang dengan berkembangnya sumber ilmu pengetahuan
 - Pemberian biasiswa oleh khalifah memberi galakan ramai untuk mengikuti pengajian
 - Pusat pengajian dan menuntut ilmu yang pelbagai seperti istana, masjid dan perpustakaan, ia memudahkan rakyat mendapat akses pendidikan.
- 2
 - (i) Dua khalifah yang terkenal dalam kerajaan Abbasiyyah:
 - Abu al-Abbas bin Muhammad bin Ali as-Saffah
 - Abu Jaafar Abdullah Muhammad bin Ali Mansur
 - Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abbas
 - Al-Makmun bin Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi
 - (ii) Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek ekonomi:
 - Kedudukan Baghdad di tengah-tengah laluan perdagangan dari timur dan barat sebagai pusat tumpuan aktiviti perdagangan.
 - Sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan berjaya mendominasi pasaran antarabangsa
 - Inisiatif khalifah membina empangan, pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan
 - Sumber dan pengurusan Baitul Mal yang sistematik
 - (iii) Hujah untuk menyokong pernyataan:

Ya, Allah SWT meminta hamba-Nya mengkaji dan mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku. Hal ini kerana, untuk menjadi peringatan dan memperbaiki kelemahan umat terdahulu. Kesannya, generasi baharu mengambil iktibar dan berusaha untuk mencapai kejayaan yang baharu. Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri supaya terhindar daripada kejahilan.

I-THINK

Asal Penubuhan	Bersempena nama bapa saudara Rasulullah SAW iaitu al-Abbas bin Abdul Mutalib
Pengasas	Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah

Tempoh Memerintah	Selama 524 tahun iaitu bermula dari tahun 132 hijrah hingga tahun 656 hijrah
Keluasan Kerajaan	Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah
Bilangan Khalifah	37 orang khalifah
Khalifah yang Terkenal	1. Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah 2. Abi Ja'far Abdullah Muhammad bin Ali al-Mansur 3. Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abasiy 4. Al-Makmun bin Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi
Khalifah Terawal	Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah
Khalifah Terakhir	Abu Ismail Muhammad al-Musta'sim bin Harun ar-Rasyid
Pusat Pemerintahan	Baghdad, Iraq



Pelajaran 21 KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

PRAKTIS DSKP

- A (1) An-Nukman bin Thabit Al-Kufi
(2) Malik bin Anas Al-Madani
(3) Muhammad bin Idris As-Syafie
(4) Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
- B (1) 80 Hijrah di Kufah
(2) 150 Hijrah
(3) Abu Hanifah
(4) Hammad bin Abi Sulaiman, 'Ato bin Yassar, Amru bin Dinar
- C (1) Mencintai Rasulullah SAW
(2) Menghormati dan mencintai ilmu
(3) Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW
(4) Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu
- D (1) Al-Faraid, Al-Fiqhul Akbar, Al-'Alim wal Muta'alim
(2) Al-Musnid, At-Tarikh, Al-'Ilal
- E (1) Ar-Risalah, Al-Um, Al-Musnad
(2) Syafie
(3) Mesir, Iraq, Parsi, Syria, Malaysia, China, Indonesia, Brunei, Pakistan dan India.
(4) Ahmad bin Hanbal, Abu Yakob Yusof bin Yahya Al-Buwaiti, Abu Ibrahim Ismail bin Yahya Al-Muzni

PRAKTIS SPM

1.

Nama penuh	An-Nukman bin Thabit al-Kufi
Tarikh Lahir	80 Hijrah di Kuffah
Tarikh Wafat	150 Hijrah
Kuniah	Abu Hanifah
Keperibadian	1. Sangat memuliakan ilmu pengetahuan. 2. Kuat beribadah seperti sentiasa melakukan qiamul-lail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran. 3. Seorang yang pemurah dan penyayang. 4. Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan

2. Hammad bin Abi Sulaiman, 'Atho bin Yasaar, Amru bin Dinar
3. Al-Faraid, Al-Fiqh Al-Akhbar, Al-A'limu Wal-Mutakallimu
4. Fatwa para sahabat (Aqwalu Sahabat), Qiyas, Istihsan, Ijmak, Uruf
5. * Mazhab Hanafi tersebar: di seluruh Asia Tengah dan Eropah
- 6.

Nama penuh	Malik bin Anas al-Madani
Tarikh Lahir	93 Hijrah di Madinah
Tarikh Wafat	179 Hijrah
Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian	1. Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana 2. Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip "murid mencari guru" 3. Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian 4. Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu

7. Nafiq al-Madani, Muhammad bin Syihab az-Zuhri, Yahya bin Saed al-Ansari.
8. Kitab al-Muwatta'.
9. Amalan penduduk Madinah, Qiyas, Masalihul Mursalah.
10. Mazhab Maliki tersebar: di Mesir, Andalus, Tunisia dan Afrika.
- 11.

Nama penuh	Muhammad bin Idris as-Syafie
Tarikh Lahir	150 Hijrah di Gazza
Tarikh Wafat	204 Hijrah
Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian	1. Sanggup tinggal bersama-sama Kaum Arab Badhwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan arab. 2. Sanggup bermusafir jauh demi kecintaannya terhadap ilmu 3. Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak syiah dan ketika berdepan dengan Khalifah Harun ar-Rasyid 4. Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana. 5. Tinggi sifat warak dan kuat beribadah

12. Imam Malik bin Anas, Sufian bin Uyainah, Muslim Khalid al-Zanji.
13. Ar-Risalah, al-Umm, al-Musnad.
14. Ijmak, Qiyas, Istidlal.
15. Mazhab Syafie tersebar: di Mesir, Iraq, Parsi, Syria, Malaysia, china, Indonesia, Brunei, Pakistan dan India.
- 16.

Nama penuh	Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
Tarikh Lahir	164 Hijrah di Baghdad
Tarikh Wafat	241 Hijrah

Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian	1. Sentiasa menuntut ilmu walaupun telah mendapat gelaran Imam yang masyhur 2. Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi 3. Banyak membaca dan menghafaz al-Quran sejak berusia Sembilan tahun 4. Kuat beribadah nawafil 5. Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan akidah

17. Al-Imam as-Syafie, Abu Yusuf al-Qhodi, Hammad bin Khalid.
18. Al-Musnad, At-Tarikh, Al-Illah.
19. Fatwa para sahabat, Qiyas, Istishab.
20. Mazhab Hanbali tersebar: di Baghdad, Mesir, Najad.
21. Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu / Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni / Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah SWT.
22. Generasi muda masa kini perlu menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Dua hasil karya Imam Abu Hanifah:
 - Al-Faraid
 - Fiqh Akbar
- (ii) Cara mencontohi keberanian Imam Abu Hanifah:

Cadangan isi :

 - Berpegang teguh dengan prinsip keadilan dan kebenaran
 - Mengamalkan sifat keberanian dengan penuh hikmah dan bijaksana
 - Menolak rasuah dan tidak bersekongkol dengan penyelewengan kuasa
 - Menjadikan kisah perjuangan nabi dan ulama terdahulu sebagai salah satu panduan hidup

Cadangan jawapan :

 - Saya akan menjadikan kisah perjuangan nabi dan ulama terdahulu sebagai salah satu panduan hidup. (Isi :1 markah) Hal ini kerana tokoh-tokoh ini mempamerkan sifat mempertahankan kebenaran berlandaskan nilai ilmu yang dimiliki serta membuktikan kesabaran dan iman yang kuat. (huraian ringkas : 1 markah) Contohnya Nabi Musa A.S yang berhadapan dengan Firaun atau Imam Ahmad Hanbal yang mempertahankan akidah dalam tekanan politik (huraian lanjut : 1 markah) Oleh itu, kita hendaklah berpegang teguh dengan prinsip keadilan dan kebenaran agar Islam dapat ditegakkan (ayat kesimpulan :1 markah)

I-THINK

Ikhtibar Keunggulan Tokoh Empat Mazhab
Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.
Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni.
Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah SWT.
Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejangat.
Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu agar tidak terpesong daripada syariat Islam.

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH

Pelajaran
22

BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Maksud bersikap benar: Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran, dan perbuatan.
(2) Wajib bersikap benar
- B** (1) Rasulullah SAW menyampaikan wahyu kepada umat manusia dengan sifat benar tanpa menokok tambah apa yang disampaikan.
(2) Rasulullah SAW bersikap benar walaupun ketika sedang bergurau.
- C** (1) Niat ikhlas kerana Allah SWT
(2) Berniat untuk melakukan kebaikan semata-mata
(3) Bertekad mencapai apa yang diimpikan.
(4) Tindakan yang dilakukan seiring dengan azam untuk mencapai matlamat.
- D** (1) Melakukan tugas tanpa mengharap balasan.
(2) Melakukan tugas dengan cara yang terbaik.
- E** (1) Berjanji dengan perkara yang mampu untuk ditunaikan.
(2) Menunaikan janji yang telah dijanjikan.


PRAKTIS SPM

1. Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.
2. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (Surah al-Ahzab 33 : Ayat 70)
3. wajib.
4. Tidak berbohong apabila berkata-kata dalam semua keadaan / Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan.
5. Rasulullah SAW menyampaikan wahyu Allah SAW kepada umat manusia dengan bersifat benar. Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan. Ajaran Islam yang disebarkan juga tidak mengikut kehendak manusia dan pendapat peribadi baginda kerana setiap tutur katanya berdasarkan wahyu Allah.
6. Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa / Terpelihara dari sifat munafik yang dibenci oleh Allah SWT / Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling mempercayai / Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana maruahnya dipandang tinggi.
7. Akan mewujudkan sifat saling bekerjasama di kalangan masyarakat kerana telah wujud perasaan saling mempercayai.

SOALAN SEBENAR SPM

- 1
 - (i) Dua cara bersikap benar dalam tutur kata:
 - Tidak berbohong dalam percakapan
 - Jujur dalam percakapan
 - (ii) Dua sebab pelajar mengabaikan bercakap benar dalam kehidupan:
 - Untuk mendapatkan kepuasan diri
 - Sebagai helah untuk membela diri.
 - (iii) Akibat mengabaikan tuntutan bersikap benar dalam kehidupan:
 - Tidak mendapat kepercayaan orang ramai
 - Sukar untuk mendapat kerjasama apabila diperlukan
 - Menjatuhkan maruah diri sendiri
 - Terdorong untuk melakukan perbuatan yang buruk

I-THINK



Pelajaran
23

KHAUF DAN RAJA'

PRAKTIS DSKP

- A** (1) Takut kepada kemurkaan dan azab Allah dengan menjauhi segala larangan
(2) Mengharapkan keredaan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya.
(3) i - Rasa takut kepada Allah SWT hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.
ii - Seseorang yang mengharapkan keredaan Allah SWT hendaklah melakukan amal ibadah dan menjauhi perbuatan maksiat.
iii - Syurga menjadi motivasi untuk seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah SWT.

PRAKTIS SPM

1. Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala larangan-Nya.
2. Mengharapkan keredhaan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya.
3. Rasulullah SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk. Pada sujud terakhirnya, baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab. Lalu Rasulullah SAW merintih dengan bersabda : “ Wahai tuhanku bukankah Engkau telah berjanji kepadaku untuk tidak mengazab mereka pada ketika aku ada bersama-sama mereka ? Tuhanku bukankah Engkau telah berjanji kepadaku untuk tidak mengazab mereka apabila mereka memohon ampun ? Sekarang kami sedang memohon ampun kepada-Mu”.
4. Akan dapat melahirkan masyarakat yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap perbuatannya.

SOALAN SEBENAR SPM

- 1
 - (i) Maksud raja':
Mengharapkan keredaan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya.

- (ii) Dua cara untuk mendapatkan sifat *khauf*:
- Bergaul dengan ulama dan para solihin
 - Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah kaum terdahulu
 - Sentiasa bertaubat kepada Allah SWT
 - Sentiasa mengingati mati
- (iii) Konsep *khauf* dan *raja'* yang seimbang:
- Perasaan takut terhadap balasan neraka akan menjadi benteng daripada melakukan maksiat.
 - Perasaan *raja'* akan mendorong seseorang untuk berlumba-lumba melakukan ibadah
- (iv) Pandangan tentang konsep *khauf*:
- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT. Hal ini kerana sifat *khauf* yang dimiliki akan menjadi benteng kepada kemungkar. Kesannya, kita akan berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan. Kesimpulannya, kita hendaklah menjadi orang yang mengharapkan keredaan Allah SWT supaya mendapat ganjaran syurga.

Pelajaran 24

ADAB TERHADAP ORANG SAKIT DAN KURANG UPAYA

PRAKTIS DSKP

- A (1) Memberi semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda.
(2) Mendoakan kesihatan mereka
- B (1) Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadah dengan selesa.
(2) Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadah.

PRAKTIS SPM

1. Abu Musa al-Ashaari RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
(رواية البخاري) عودوا المريض وأطعموا الجائع وفكوا العاني
Maksud : Ziarahilah orang sakit berikan makanan kepada orang yang lapar dan bebaskan tawanan
2. Mendoakan kesihatan mereka / Membantu mereka yang ingin melakukan ibadah.
3. Memberi semangat dan motivasi agar mereka sabar dan redha / Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama.
4. Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih / Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.
5. Hikmah : Mengembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT / Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah SWT / Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.
6. Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
أن امرأة كانت في عقلها شيء فقالت يا رسول الله إن لي إليك حاجة فقال يا أم فلان انظري أي السكت شئت حتى أقضي لك حاجتك فخلا معها في بعض الطرق حتى فرغت من حاجتها (رواية مسلم)
Maksud: Seorang wanita yang mempunyai kekurangan pada akalanya berkata: “wahai Rasulullah, saya memerlukan pertolonganmu dalam sesuatu urusan” Rasulullah SAW bersabda: “wahai ibu, bagaimana caranya untuk membantumu” . lalu Rasulullah meluahkan masanya sehingga wanita itu dapat menyelesaikan urusannya.
7. Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadah dengan selesa / Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadah.
8. Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka / Tidak mengejek dan menghina mereka.
9. Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan / Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka.
10. Hikmah : Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan / Memupuk sifat

kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan.


11. Akan dapat memupuk sifat kebersamaan di kalangan masyarakat terhadap semua golongan masyarakat supaya perpaduan dapat diwujudkan.


SOALAN SEBENAR SPM

1

- (i) Maksud orang kurang upaya:
Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat
- (ii) Dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya:
- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan
 - Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat
 - Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna
 - Memudahkan orang kurang upaya untuk melakukan urusan harian
- Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.*
- (iii) Pendapat tentang cara untuk membudayakan penjagaan hak orang kurang upaya:
- Membela dan menghargai golongan kurang upaya
 - Meraikan mereka dengan melihat kekurangan bukan kelemahan tetapi keistimewaan
 - Memberikan hak sama rata dalam pelbagai aspek kehidupan
 - Tidak menyalahgunakan kemudahan golongan kurang upaya
 - Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap orang kurang upaya yang masih rendah

I-THINK





Pelajaran 25

WASATIYYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

PRAKTIS DSKP

- A**
- (1) Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.
 - (2) Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.
 - (3) Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat.
 - (4) Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT.
- B**
- (1) Dapat menegakkan syiar Islam dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni.
 - (2) Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tidak melakukan pembaziran
 - (3) Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara.

PRAKTIS SPM

- Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
- وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّيُكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا (Surah al-Baqarah 2 : ayat 143)
- Melakukan sesuatu dengan sempurna , tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.
- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab / Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah / Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi
- وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا (Surah al-Furqan 25 : ayat 67)
- Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.
- (i) Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah / Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.
 - (ii) Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan / Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.
 - (iii) Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak / Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu.
- وَمَنْ يَعْزِلْ رُبَّنَا إِنَّهُ فِي الْأَنْبِيَاءِ حَسَنَةٌ وَفِي الْأَخْيَرَةِ حَسَنَةٌ وَقَدْ آدَبَ الْكَلَامَ (Surah al-Baqarah 2 : ayat 201)
- Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat

- Menunaikan hak kepada yang berhak menerima / Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem.
- يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ... (Surah al-Maidah 5 : ayat 8)
- Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT.
- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan Negara dan membasmi kemiskinan / Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman / Menggunakan kekayaan dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.
- كُنُوزٍ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَآتَوْنَ الزَّكَاةَ وَكُنْتُمْ أَتَقَرُّونَ ۖ وَرَبُّكُمْ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ۚ (Surah al-Imran 3 : ayat 110)
- Masyarakat akan dapat hidup aman damai dan bersatu padu kerana ia dibangunkan di atas prinsip-prinsip keadilan sejagat.

SOALAN SEBENAR SPM

1

- Maksud keadilan: Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana (1 markah) masa dan tempat (1 markah)
- Dua aspek keadilan:
 - Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya
 - Mengambil pendekatan pertengahan yang seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem
- Dua ciri umat yang cemerlang:
 - Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan mengurangkan kemiskinan
 - Mencegah daripada melakukan kezaliman, kerosakan dan kekejaman
 - Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah
 - Melakukan segala tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah

KERTAS MODEL PRA-SPM

- (i) Contoh perbuatan mempersendakan agama yang dilakukan terhadap alim ulama:
 - Mengejek dan menghina golongan ulama dan orang soleh.
 - (ii) Dua cara untuk menjaga kesucian agama Islam:
 - Memperkasakan majlis-majlis ilmu dan program berbentuk bimbingan untuk semua lapisan masyarakat.
 - Mempergiatkan amalan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.
 - menguatkuasakan undang-undang yang ketat dengan hukuman yang berat bagi mereka yang mempermainkan hal-hal agama.
 - (iii) Dua pengajaran ayat :
 - Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan orang yang suka mempermainkan agama.
 - Kita hendaklah sentiasa memberi peringatan dan teguran kepada orang yang mempersendakan agama berpandukan ajaran al-Quran dan as-Sunnah.
 - Kita hendaklah sentiasa mempertahankan kemuliaan Islam dengan pendekatan yang terbaik.
- (i) Dua konsep berdikari :
 - Memanfaatkan potensi diri yang ada untuk perkara yang berfaedah.
 - Tekun berusaha dalam menyara kehidupan.
 - Berazam untuk meningkatkan taraf hidup, kualiti diri, masyarakat dan negara.
 - (ii) Kelebihan berdikari terhadap agama Islam:
 - Agama Islam dipandang tinggi kerana umatnya yang rajin berusaha.

(iii) **Dua** pengajaran hadis :

- Kita hendaklah memuliakan setiap pekerjaan yang halal walaupun hasilnya sedikit.
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan meminta-minta dan bergantung kepada orang lain untuk menjaga kemuliaan dan maruah diri.
- Kita hendaklah menimba ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik.
- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan bantuan dengan sekadar yang mampu agar hidup dirahmati.

2 (a) (i) **Satu** contoh perbuatan yang membatalkan iman :

- Meletakkan al-Quran ditempat yang tidak sesuai seperti tandas dengan tujuan untuk menghina kesucian al-Quran.
- Melakukan upacara ibadah agama lain

Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.

(ii) Iman terbatal melalui iktikad :

- Iman yang terbatal dengan sebab ragu-ragu terhadap perkara yang berkaitan ketuhanan, kenabian ,perkara ghaib dan syariat Islam.
- Contohnya,meyakini ada kuasa lain yang memerintah alam semesta, meragukan kenabian dan kerasulan para nabi, ingkar dengan hukum yang telah disyariatkan Allah SWT.

(iii) Pendapat untuk membendung gejala tersebut :

Cadangan jawapan :

- Memberi bimbingan agama
- Mendedahkan mereka dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan iman dan aqidah.
- Mengawasi perlakuan dan aktiviti mereka.

(b) (i) Pengertian ajaran sesat:

- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.

(ii) Dua ciri ajaran sesat dari aspek ibadah :

- Menolak kewajipan ibadah fardu
- Menunaikan ibadah haji ditempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukarramah.
- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah.
- Beribadah hanya dengan berzikir menggantikan solat.

(iii) Dua kesan ajaran sesat terhadap ekonomi :

- Melahirkan individu yang pasif dan malas berusaha.
- Wang dibelanjakan pada perkara yang tidak berfaedah

3 (a) (i) Maksud solat sunat gerhana :

- Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu.

(ii) **Dua** hikmah :

- Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur diatas nikmat yang diberikan.
- Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak sengaja.

(iii) Sebab berlakunya gerhana:

- Tanda kekuasaan Allah SWT

(b) (i) Maksud sembelihan:

- Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mareh.

(ii) Istilah :

- (a) Korban
- (b) Aqiqah

(iii) **Dua** perbezaan korban dan aqiqah:

Korban	Aqiqah
Dilakukan pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari tasyriq.	Dilakukan pada bila-bila masa.
Bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.	Bersyukur sempena kelahiran bayi.

(c) Pendapat:

Cadangan jawapan :

- Memahami konsep sembelihan dan halal haram menurut Islam.
- Memastikan setiap premis perniagaan dan penyembelihan dimiliki oleh orang Islam.
- Menguatkuasakan undang-undang bagi mereka yang melanggar syarat dan piawaian yang ditetapkan.

4 (a) (i) **Dua** ciri kepimpinan khalifah Abu Bakar as-Siddiq:

- Tegass dalam memerangani golongan yang enggan membayar zakat,golongan murtad dan nabi palsu.
- Berpandangan jauh iaitu beliau mengarahkan Zaid bin Thabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran.
- Setia dengan Rasulullah SAW dengan meneruskan tindakan Rasulullah SAW untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai panglima angkatan tentera Islam kepada kerajaan Ghassan.
- Mengamalkan syura dengan mendengar dan mengambil kira pandangan sahabat.

(ii) **Dua** pencapaian khulafa ar-Rasyidin dalam bidang pendidikan:

- Mengumpul dan menulis naskhah al-Quran
- Menubuhkan sekolah iaitu al-kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak
- Menyelaraskan bacaan dan penulisan mushaf Uthmani

(iii) **Dua** iktibar daripada pemerintahan khulafa ar-Rasyidin:

- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara
- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.
- Kita hendaklah menyumbangkan kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara

(b) (i) **Dua** Sejarah ringkas kerajaan Umayyiah :

- Dinamakan Umayyiah sempena nama Umayyiah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf salah seorang pemimpin keturunan Quraisy
- Diasaskan oleh Muawiyah bin Abi Sufyan
- Tempoh memerintah bermula dari tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah dengan bilangan khalifah seramai 14 orang.
- Pusat pemerintahan di Damsyik,Syria.

(ii) **Dua** khalifah terkenal :

- Muawiyah bin Abi Sufyan
- Abdul Malik bin Marwan
- Al-Walid bin Abdul Malik
- Umar bin Abdul Aziz

(iii) Faktor kemerosotan pemerintahan Umayyiah:

- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga.
- Pemberontakan oleh puak Syiah dan Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umayyiah.

- Sikap taksub antara kabilah arab utara dan selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan.

- 5 (a) (i) Pengertian bersikap benar :
- Tidak berdusta dari segi perkataan,perkhabaran dan perbuatan.
- (ii) Tuntutan bersikap benar dalam tutur kata dan berjanji:
- Tidak berbohong apabila berkata-kata dalam semua keadaan.
 - Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan.
 - Berjanji dengan sesuatu yang mampu untuk ditunaikan.
 - Menunaikan setiap janji yang dilafazkan.
- (iii) **Dua** hikmah bersikap benar :
- Terpelihara dari sifat munafik yang dibenci Allah SWT.

- Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa.
- Saling bekerjasama kerana wujud kepercayaan.
- Menjadi contoh teladan.

- (b) (i) Maksud wasatiyyah :
- Pendekatan yang sederhana,seimbang,adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
- (ii) **Empat** prinsip wasatiyyah :
- Kesederhanaan
 - Keseimbangan
 - Keadilan
 - Kecemerlangan
- (c) Pendapat:

Cadangan jawapan :

- Mendalami ilmu agama dan menghayati makna wasatiyyah.
- Melatih diri untuk mengawal sikap berlebihan-lebih
- Mengamalkan kehidupan yang seimbang dunia dan akhirat.